

PEKERJA PENENTU ARAHTUJU NEGARA

Kursus MTUC

- ⇒ MTUC/SC 17-21 Jun 2013, Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Kewangan Kesatuan Sekerja, MTUC Subang Jaya.
- ◆ MTUC/PERKESO 1-2 Julai 2013 Kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Carlton Holiday Sdn Bhd Shah Alam.
- ◆ MTUC/PERKESO-24 & 25 Jun 2013, Kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Puteri Park Hotel, Kuala Lumpur.

PERUTUSAN PRESIDEN

Salam sejahtera dan salam hormat kepada semua kesatuan gabungan dan pemimpin-pemimpin kesatuan.



Pertama sekali ingin saya memaklumkan bahawa laman web MTUC telah dilancarkan semula pada 29hb Mei 2013. Saya mengharapkan cadangan-cadangan positif dapat disalurkan untuk menambahbaik laman ini.

Umur Persaraan 60 tahun

Umur persaraan 60 tahun yang sepatutnya dilaksanakan pada 1hb Julai, dalam hal ini MTUC tidak akan menyokong sama sekali sebarang usaha untuk menganjakkan tarikh penguasaan tersebut.

MTUC menyokong penuh keputusan kerajaan untuk mengenakan denda kepada majikan yang gagal mematuhi Akta Umur Persaraan Minimum 2012 adalah tepat pada masanya bagi memelihara kepentingan dan kebijakan pekerja, khususnya pekerja tempatan.

Menurut Mohd Khalid Atan, tindakan majikan yang membuat permohonan penangguhan dengan mengemukakan alasan remeh serta tidak masuk akal semata-mata kerana ingin mengelakkan dari pembayaran gaji minimum.

MTUC berpendapat bahawa sepatutnya tiada lagi alasan diberikan oleh majikan kerana mereka sudah diberi tempoh masa yang lama untuk berbuat demikian.

*Mohd Khalid Atan
Presiden*



Sambutan Hari Mei 2013

- ⇒ Sambutan 1 Mei telah diadakan di MTUC Subang Jaya. Lebih dari 1000 pekerja telah mengambil bahagian dalam sambutan ini. Di samping itu lebih dari 250 pekerja asing juga telah menyertai perhimpunan ini.

Tema yang dipilih bagi tahun ini ialah : **Pekerja Penentu Hala Tuju Negara**

- ⇒ Antara tuntutan MTUC dan pekerja sempena Pilihanraya Umum ke-13 supaya bakal kerajaan memberi jaminan terhadap perkara-perkara berikut:

- ◆ Menghapuskan dengan serta merta, segala bentuk ancaman, penindasan, tindakan yang menghakis kualiti hidup dan menggugat kesejahteraan kaum pekerja;
- ◆ Menghentikan semua jenis amalan diskriminasi pekerjaan tanpa mengira kaum, gender, agama dan sebagainya;
- ◆ Menghormati keluhuran Persekutuan dengan mengiktiraf dan mengubal segala undang-undang yang menyekat hak kebebasan berkesatuan dan hak bersuara;
- ◆ Meminda peruntukkan undang-undang buruh yang lapuk dengan mematuhi Deklarasi Prinsip-Prinsip Asasi dan Hak-hak di Tempat Kerja 1988 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work*) dan mempraktikkan Agenda Kerja Kepatutan (*Decent Work Agenda*);



Penyerahan token kepada semua kontinjen yang mengambil bahagian oleh Presiden MTUC



Sambutan Hari Pekerja



Kesatuan proton telah berjaya membawa kontinen terbesar



- ◆ Mengutamakan Jaminan Pekerjaan (Job Security);
- ◆ Menghapuskan pengswastaan semua perkhidmatan keperluan asas awam;
- ◆ Menghapuskan amalan penyumberluaran (out-sourcing) dan penggajian pekerja secara sistem kontrak;
- ◆ Pengambilan dan pengurusan pekerja-pekerja asing hanya melalui mekanisma dua-pihak Kerajaan ke Kerajaan (Government to Government);
- ◆ Membina lebih banyak rumah mampu milik bagi pekerja-pekerja yang berpendapatan



Ahli Jawatan kuasa wanita turut berserta bagi memeriahkan sambutan Hari Pekerja 2013



Banner terbaik bagi tahun 2013 jatuh ke tangan EIWU



Sambutan Hari Mei 2013



Hidup Pekerja!!!
Hidup Pekerja!!!
Hidup Pekerja!!!

'...itulah laungan dari pekerja-pekerja yang mengeruni perkara-gan MTUC Subang Jaya'

Turut berserta mantan MTUC Senator Syed Shahir dalam sambutan hari pekerja 2013



Sdra. Mohd Khalid Atan, Presiden MTUC menyampaikan ucapannya



Perarakkan bermula di setiap tiga pen-juru menuju ke ibu pejabat MTUC. Kesatuan NUTEAIW.



Sambutan Hari Mei 2013



Barisan pemimpin-pemimpin MTUC turut bersama meraihkan sambutan Hari Pekerja 2013.

Sdra Mohd Khalid Atan, Presiden, bersama-sama pegawai-pegawai utama MTUC serta Sdra. Mohd Jaafar, Timbalan Presiden selaku Pengerusi Sambutan Hari Pekerja dan Pegawai-pegawai utama dari pelbagai sektor.



Penuh semangat ahli-ahli kesatuan sekerja dengan pembacaan ikhrar dan lagu solidariti MTUC



Kesatuan pekerja-pekerja Perusahaan Automobil Nasional Sdn.Bhd bersama kontingen berwarna merah garang



Statistik-Consumer Price Indek


| 2010 | JAN | FEB | MAR | APR | MAY | JUN | JUL | AUG | SEP | OCT | NOV | DEC | % |
|----------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|---|
| Malaysia | 113.2 | 113.2 | 113.2 | 113.2 | 113.5 | 113.7 | 114.0 | 114.4 | 114.7 | 114.7 | 115.0 | 115.5 | 2 |
| S'jung | 113.0 | 113.0 | 113.0 | 113.1 | 113.3 | 113.6 | 113.9 | 114.2 | 114.3 | 114.6 | 114.9 | 115.4 | 2 |
| Sabah | 115.1 | 115.5 | 115.5 | 115.5 | 115.5 | 115.5 | 115.8 | 116.3 | 116.4 | 116.7 | 116.8 | 117.5 | 2 |
| Sarawak | 113.3 | 113.5 | 113.5 | 113.5 | 113.6 | 113.7 | 113.9 | 114.4 | 114.5 | 114.7 | 115.0 | 115.6 | 2 |

| 2011 | JAN | FEB | MAR | APR | MAY | JUN | JUL | AUG | SEP | OCT | NOV | DEC | % |
|----------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-----|
| Malaysia | 101.8 | 102.3 | 102.4 | 102.6 | 102.9 | 103.2 | 103.4 | 103.6 | 103.8 | 104.0 | 104.1 | 104.2 | 2.4 |
| S'jung | 101.8 | 102.4 | 102.5 | 102.7 | 102.9 | 103.3 | 103.5 | 103.6 | 103.8 | 104.1 | 104.2 | 104.2 | 2.4 |
| Sabah | 101.8 | 102.1 | 102.2 | 102.4 | 102.6 | 102.6 | 103.0 | 103.4 | 103.6 | 103.7 | 103.9 | 104.0 | 2.2 |
| Sarawak | 101.6 | 102.1 | 102.1 | 102.2 | 102.4 | 102.5 | 102.6 | 102.8 | 103.0 | 103.2 | 103.4 | 103.5 | 1.9 |

| 2012 | JAN | FEB | MAR | APR | MAY | JUN | JUL | AUG | SEP | OCT | NOV | DEC | % |
|----------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|----|
| Malaysia | 104.5 | 104.5 | 104.5 | 104.5 | 104.7 | 104.8 | 104.8 | 105.0 | 105.2 | 105.4 | 105.5 | 105.5 | 1% |
| S'jung | 104.6 | 104.5 | 104.5 | 104.4 | 104.8 | 104.9 | 104.9 | 105.1 | 105.3 | 105.4 | 105.5 | 105.5 | 1% |
| Sabah | 104.3 | 104.4 | 104.4 | 104.5 | 104.4 | 104.6 | 104.7 | 104.9 | 104.9 | 105.2 | 105.3 | 105.3 | 1% |
| Sarawak | 103.8 | 103.9 | 104.1 | 104.1 | 104.1 | 104.2 | 104.4 | 104.4 | 104.7 | 104.8 | 104.9 | 104.8 | 1% |

| 2013 | JAN | FEB | MAR | APR | MAY | JUN | JUL | AUG | SEP | OCT | NOV | DEC | % |
|----------|-------|-------|-------|-------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|---|
| Malaysia | 105.9 | 106.1 | 106.2 | 106.3 | | | | | | | | | |
| S'jung | 106.0 | 106.2 | 106.3 | 106.3 | | | | | | | | | |
| Sabah | 105.9 | 106.5 | 106.7 | 106.5 | | | | | | | | | |
| Sarawak | 105.1 | 105.3 | 105.6 | 105.5 | | | | | | | | | |

Sumber : http://www.statistics.gov.my/portal/download_Prices/files/CPI/2013/APR/BI/05Sarawak.pdf





Aktiviti MTUC & Kesatuan

MTUC/PERKESO Seminar Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia Bahagian Pulau Pinang dengan kerjasama Perkeso telah menganjurkan Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan selama 2 hari di Hotel Pearl View di Prai pada 8-9 Mei 2013. Seramai 25 pemimpin dan wakil pekerja telah mengikuti kursus tersebut.

Di antara kertas kerja yang telah dibentangkan adalah dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan Negeri mengenai penyakit tidak berjangkit, Perkeso mengenai kemalangan di jalanraya dan bencana kerja, serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja yang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa OSH MTUC Pulau Pinang Sdra. N.Balakrishnan.

Turut hadir dalam majlis perasmianya ialah Pengerusi MTUC Bahagian Sdra. S.Ravindran, Naib Pengerusi, Sdra. Mohamed bin Osman, Setiausaha Sdra. K.Veeriah, Penolong Se-



tiausaha, Sdra. Mohamad Fauzi Ibrahim, Bendahari Sdra Vijayan dan Sdra. Sahul Hamid Hussain. Para peserta telah diseru supaya dapat menggunakan pengetahuan dan pengalaman dari para penceramah-penceramah ini di tempat kerja bersama-sama rakan kerja.

Dilaporkan oleh: Mohamad Fauzi Ibrahim, Penolong Setiausaha Bhg. Pinang



MTUC/SC Kursus Pengendalian Rungutan dan Siasatan Dalaman

Kursus ini telah berlangsung selama lima hari di ibu Pejabat MTUC Subang Jaya. Seramai 18 peserta dari pelbagai sektor telah menyertai kursus ini. Seramai 6 peserta wanita telah turut menyertai kursus ini.



MTUC Perak-sessi Dailog 3 penjuru



MH HOTEL SG SIPUT– Pada 22hb Mei 2013, Pegawai-pegawai MTUC Perak telah mengadakan pertemuan tiga penjuru bersama-sama pihak majikan dan pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan Perak dibawah Kementerian Sumber Manusia bagi membincangkan segala permasalahan perhubungan perusahaan di Negeri Perak.

MTUC bahagian Perak bertindak sebagai payung untuk semua wakil kesatuan yang diwakili pegawai utama antaranya Sdra. Redzuan Zakaria (Timbalan Pengurus), Sdra. Tan Ismail (Pen. Setiausaha) dan Sdra. Rosli Jaafar (Bendahari) telah turut bersama dalam sesi berdialog mengenai isu-isu perhubungan perusahaan bersama wakil-wakil kesatuan yang dijemput oleh MTUC bahagian Perak. Majlis ini telah di hadiri sekitar 50 orang wakil kesatuan serta ahli-ahli jemputan khas oleh pihak JPP Perak.

Dalam ucapan alu-aluan, pihak JPP Perak melalui

pengaruhnya Yang Mulia Tuan Zaini, menyatakan bahawa beliau terpegun dengan sambutan yang menggalakkan daripada kedua-dua pihak baik pihak majikan maupun pihak kesatuan sekkerja.

Kata beliau program ini akan dilanjutkan memandangkan sambutan yang agak menggalakkan daripada ketiga-tiga pihak.

Diharap dengan pertukaran maklumat, pertikaian perhubungan perusahaan dan persamaan kesatuan dapat diselesaikan di antara pihak majikan dan kesatuan sekkerja di Negeri Perak bersama pihak JPP Perak dengan secara harmoni dan aman. Semoga pihak JPP Perak memperolehi maklumat yang berguna dari program ini dan memahami permasalahan pekerja serta kesatuan sekkerja.

dilaporkan oleh,
Sdra Hasmarul Rizal bin Abdul Halim
Setiausaha MTUC bahagian Perak

